

27 JUN 1999

Ibrahim-Islam

PAS DISIFATKAN TIDAK PERNAH BANGUNKAN ISLAM DI MALAYSIA

TUMPAT, 27 Jun (Bernama) -- Pemimpin Pas disifatkan tidak pernah berjasa kepada negara kerana apa yang dikecapi oleh rakyat ketika ini adalah hasil perjuangan pemimpin-pemimpin UMNO.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali berkata, kebangkitan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang pesat membangun di rantau ini adalah melalui perjuangan UMNO, sewajarnya diakui oleh pemimpin Pas.

"Pas sepatutnya tidak menjadi sebuah parti yang menghentam kerajaan, dan menghalalkan perbuatan yang bercanggah dengan Islam," katanya ketika berucap merasmikan pertandingan akhir Pidato Kenegaraan peringkat negeri di Sekolah Kebangsaan Kubang Batang di sini, malam tadi.

Ibrahim berkata, pemimpin Pas wajar mengakui setiap kegagalan mereka, dan bukannya menghentam setiap kejayaan yang dilakukan oleh kepimpinan negara.

Katanya, apa yang dikesalkan pemimpin Pas sanggup meracuni fikiran segelintir masyarakat negara ini supaya membenci kerajaan, kononnya kerajaan yang benar-benar Islam akan tegak sekiranya Pas memerintah.

"Ingin saya tegaskan bahawa yang berjuang untuk Islam sehingga Malaysia dianggap sebagai sebuah negara Islam membangun bukanlah Pas, tetapi pemimpin UMNO yang diterajui Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Menurutnya, tiada siapa yang boleh menafikan ketokohan Dr Mahathir, yang telah membawa negara ke era kegemilangan.

Sementara itu, penuntut Institut Teknologi Mara, Che Khairul Azhan Che Ahmad memenangi pertandingan pidato berkenaan, manakala Ahmad Fadhli Shaari dan Rabihah Haron masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

-- BERNAMA

ZI RI